

# Perubahan keputusan ikut keadaan semasa

BA - 11/6/2006

## PM tadbir negara ikut pandangan ramai: Muhyiddin

Oleh Azman Zakaria, Norfatimah Ahmad, Rosli Abdul Jalil dan Wan Faizal Ismayatim

**K**AJANG: Dasar pemerintahan yang dilaksanakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad tidak pernah berubah tetapi perubahan keputusan berhubung sesuatu isu terpaksa dilakukan kerana negara berhadapan desakan keadaan semasa.

Menteri Pertanian dan Industri

Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata keputusan kolektif yang dibuat jemaah menteri ketika kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga tidak bertujuan membelakangkan keputusan terdahulu, ketika Dr Mahathir menerajui negara.

"Pak Lah juga meletakkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) penting kerana ia adalah kesinambungan kepada rancangan terdahulu ke arah mencapai matlamat itu," katanya pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Pembangunan Pertanian Daerah Hulu Langat di Institut Pengurusan Veterinar di sini, semalam.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan ahli Umno supaya berpegang kepada prinsip asas parti iaitu kesetiaan kepada pemimpin dan terus memberi sokongan kepada Abdullah.

"Kita hormati pandangan Dr Mahathir dan kita ambil perhatian semuanya, tetapi biarlah Pak Lah jalankan kerjanya.

"Ahli parti pula jangan terpengaruh dengan pihak yang mula mengeksploitasikan keadaan ini untuk melemahkan Umno," katanya.

Muhyiddin berkata, ketika zaman Dr Mahathir keputusan juga dibuat

secara kolektif, tetapi ada juga yang menganggap beliau sebagai 'diktator' walaupun sebenarnya tidak.

Bagaimanapun, katanya, pendekatan Abdullah lebih terbuka bukan saja dalam Kabinet, juga di luar Kabinet apabila Perdana Menteri juga meminta pandangan ramai sebelum membuat sebarang keputusan.

Di KOTA BHARU, Badan Perhubungan Umno Kelantan menyifatkan Abdullah memimpin kerajaan berdasarkan kehendak rakyat serta mengamalkan dasar bersesuaian dengan perkembangan semasa.

Pengerusinya, Datuk Seri Annuar Musa, berkata Perdana Menteri mengamalkan kepemimpinan yang bebas dengan mengutamakan kepentingan rakyat dan negara tanpa terikat kepada mana-mana individu.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Pengarah Dewan Undangan Negeri (DUN) yang antara lain membincangkan pendirian Umno Kelantan mengenai kritikan Dr Mahathir terhadap kepemimpinan Abdullah, di Bilik Gerakan Umno negeri, di sini, semalam.

Bagaimanapun, katanya ketidakpuasan hati Dr Mahathir tidak boleh dipandang enteng dan keinginannya

untuk mendapatkan penjelasan berhubung beberapa isu yang dibuat kerajaan perlu dihormati.


Di KUANTAN, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob menyifatkan isu kritikan Dr Mahathir itu perkara kecil.

"Isu itu menjadi besar kerana ia datang daripada bekas Perdana Menteri, terutama daripada tokoh yang besar jasanya kepada negara. Ia bukan perkara luar biasa, ia perkara kecil... tidaklah begitu besar walaupun orang kata akan bawa implikasi kepada Umno," katanya pada sidang media sebaik tiba di kediamannya selepas bercuti bersama keluarga di Pulau Tioman, petang semalam.

Beliau yang juga Ahli Majlis Tertinggi Umno berpendirian, Abdullah perlu meneruskan usaha membangunkan negara dan mengambil sikap 'menjawab apabila perlu dan tidak menjawab apabila perlu'.

"Pada masa sama, kita juga perlu menerima pandangan daripada sesiapa sahaja, termasuk daripada Tun Mahathir yang juga bekas Perdana Menteri, yang banyak jasa kepada negara dan juga daripada sesiapa saja," katanya.

Sementara itu, Presiden Generasi Profesional dan Pewaris Bangsa



**“Setakat ini, saya berpendapat tiada sesiapa boleh menggugat Perdana Menteri, kalau kita semua menyokong dengan kata dan tindakan... itu yang mustahak”**

**Adnan Yaakob**  
Menteri Besar Pahang

(Prowaris), Feriz Omar mencadangkan diadakan pertemuan segera antara Abdullah dan Dr Mahathir dengan dihadiri seorang tokoh berkecuali yang tidak mempunyai apa-apa kepentingan politik dan ekonomi.

"Prowaris merasakan kenyataan Dr Mahathir membawa kesan negatif dan perlu mendapat perhatian penuh pucuk pimpinan negara," katanya pada sidang media, di pejabat Prowaris di sini.